

19/06/1998

Merumus agenda perjuangan Umno

PERWAKILAN Umno dari seluruh negeri termasuk Sabah berkumpul sekali lagi di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Kita mengucapkan selamat datang kepada perwakilan dan selamat bersidang. Walaupun terpaksa meninggalkan tugas harian dalam suasana mencabar hari ini, mereka tetap mahu bersama-sama pucuk pimpinan untuk mengupas segala permasalahan. Mereka mahu sama-sama membetulkan kepincangan dan memantapkan ketahanan negara. Sikap mereka ini membuktikan komitmen yang begitu tinggi kepada parti dan seharusnya dipuji. Pada kita kehadiran mereka bukan sekadar memenuhi jadual tahunan Umno tetapi lebih penting ialah meneruskan agenda perjuangan yang belum selesai. Pada perhimpunan ini, mereka bukan saja mendengar amanat pemimpin yang biasanya agak berbeza dengan ucapan di upacara rutin yang lain, malah di sinilah mereka mengasah minda dan memupuk potensi kepemimpinan di samping sama-sama membuat keputusan dan mengharungi setiap cabaran yang mendatang. Ketika mendengar hujah perbahasan yang mungkin didorongi emosi berlandaskan semangat mempertahankan nusa, kita yakin pemikiran mereka juga diceriakan dengan kata-kata sindiran dan jenaka. Tidak hairanlah ada kalanya mereka begitu serius; ada ketikanya pula suasana gamat dengan hilai ketawa. Suasana seperti ini sudah menjadi kemestian setiap kali Perhimpunan Agung Umno diadakan. Malah, ia diterima sebagai budaya persidangan Umno.

Sepanjang tiga hari mulai hari ini, perwakilan akan membahaskan dua usul - ucapan dasar Presiden dan usul ekonomi. Pada kita semua ini bertujuan untuk memberi peluang yang lebih luas kepada perwakilan membincangkan isu yang mencengkam kehidupan kita hari ini. Sebagaimana dibayangkan, ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyentuh pelbagai isu semasa, terutamanya membabitkan soal ekonomi. Sememangnya ucapan Dr Mahathir begitu dinanti-nantikan kerana daripada inti ucapan inilah arah perbincangan sepanjang persidangan ditentukan.

Walaupun banyak ramalan yang mengatakan perhimpunan kali ini agak tegang berikutan masalah ekonomi yang melanda negara, bagi kita ia terselit kebaikan tersendiri kerana keadaan ini membolehkan perwakilan memberi tumpuan yang penuh terhadap setiap perkara yang dibangkitkan. Menerusi perbahasan, kita yakin akan muncullah pandangan yang boleh dijadikan asas untuk merangka langkah-langkah membantu kerajaan memulihkan kegawatan. Meskipun begitu, rasanya perwakilan tidak akan mudah jemu mendengar pidato berapi-api semata-mata kerana walaupun menghadapi tekanan yang agak meruncing sekali pun, suasana usik-mengusik, tidak akan luntur. Mereka bukan saja berani menegur anggota Majlis Tertinggi (MT) yang mungkin juga Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri, terutama berhubung dengan fungsi kementerian dan pentadbiran masing-masing, malah mereka juga mengusik Presiden dan Timbalan Presiden. Keadaan seperti ini berlaku hampir setiap persidangan.

Kita menganggap perwakilan Umno sudah matang dan bertanggungjawab terhadap parti dan negara. Oleh itu, kita tidak bimbang mereka sanggup mencetuskan sebarang perkara yang boleh memburukkan keadaan ekonomi negara. Kita juga tidak bimbang terhadap teguran yang mungkin dilemparkan kepada pucuk pimpinan parti dan MT jika niat mereka adalah untuk mendapatkan jawapan yang jelas, seterusnya kefahaman mengenai gejala yang sebenarnya berlaku di sekeliling mereka. Kita yakin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi jawapannya ketika menggulung perbahasan sebelum menutup perhimpunan, Ahad nanti.

Kita akui tugas Umno kali ini adalah berat. Di bahu Umno bukan saja diletakkan harapan untuk mengembalikan kekukuhan ekonomi, malah untuk meyakinkan masyarakat antarabangsa mengenai kestabilan politik. Yang pasti Umno akan melakukan segala usaha untuk memberi keyakinan kepada rakyat bahawa nasib mereka tidak akan diabaikan walaupun taufan ekonomi yang melanda. Umno sedar rakyat mula berasakan kesan kegawatan berikutan kenaikan harga barang. Sudah tentu Umno yang menjadi teras perjuangan bangsa tidak akan membiarkan keadaan itu berterusan. Atas dasar inilah kita berpendapat Umno perlu memperkuatkan benteng perpaduan di semua peringkat. Jika kita tidak rela Umno berpecah di peringkat cawangan dan bahagian, pastinya kita juga tidak mahu berlaku perpecahan di peringkat pucuk pimpinan, walau apa pun sekali alasannya.

Kita yakin perpecahan tidak akan berlaku selagi kita insaf terhadap keperitan yang pernah melanda parti pada 1987.

(END)